




SABAH
DEVELOPMENT CORRIDOR

'BIOECONOMY LINKAGES IN

Dirasmik

Y.A. DATUK SRI PANGKALAN SAHJAJA HJ. AMAN
Ketua Menteri Sabah Menteri

Dianjur



NST 21-08-2012 122

SAKSIKAN ... Ketua Menteri Datuk Seri Musa Haji Aman menghadiri majlis Taklimat Bioteknologi Dalam Koridor Pembangunan Sabah (SDC), di Grand Ballroom, Shangri-La's Tanjung Aru Resort, di Kota Kinabalu kelmarin.

Pada majlis itu Musa menyaksikan tiga pertukaran dokumen perjanjian kerjasama iaitu antara SEDIA dan BiotechCorp, perjanjian antara Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM), Yayasan Sabah dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan perjanjian antara SEDIA, BiotechCorp dan Terra Garden Biotech.

NIBM diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Prof Datuk Dr. Mohd Isa Abd Majid, Setiausaha Korporat Kumpulan Yayasan Sabah Dr. Karim Samsuri mewakili Yayasan Sabah dan UMS diwakili oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UMS, Prof Dr. Shahril Yusof.

Musa menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian antara NIBM yang diwakili oleh Mohd Isa (kanan sekali), Yayasan Sabah diwakili oleh Karim (kiri sekali) dan pihak UMS diwakili oleh Shahril (dua kanan). Cerita lanjut lihat Muka 2

Bioteknologi berpotensi jana kekayaan baru: KM

NST 31-08-2012 142

OLEH MARRYAN RAZAN
marryan@newsabah-
times.com.my

KOTA KINABALU: Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman berkata bidang bioteknologi berpotensi menjadi medium pertumbuhan ekonomi yang berupaya menjana kekayaan baru negeri sekaligus meningkatkan pendapatan rakyat.

Beliau berkata, dalam usaha membangunkan negeri ini, kerajaan memperkenalkan Koridor pembangunan Sabah (SDC) meliputi projek-projek infrastruktur, pelancongan, pembuatan dan pertanian termasuk bidang bioteknologi.

Katanya kerajaan melalui Agenda Halatuju Negeri Sabah juga menggariskan keperluan untuk memanfaatkan sains dan teknologi, terutama bioteknologi bagi pembangunan di negeri ini.

"Kerajaan telah memulakan beberapa inisiatif untuk memudahkan penyertaan dalam bioekonomi yang berintensifkan pengetahuan.

"Ini termasuklah pelaksanaan projek-projek utama seperti Sabah Agro-Industrial Precinct (SAIP), Kelompok Perindustrian Minyak Sawit (POIC) dan Pusat Ternakan Bersepadu Keningau (KILC). Kajian ke atas dasar biomas, produk hutan bukan kayu dan sumber marin juga telah dijalankan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Taklimat Bioteknologi Dalam Koridor Pembangunan Sabah (SDC), di Grand Ballroom, Shangri-La's Tanjung Aru Resort, di sini, kelmarin.

Musa berkata, inisiatif seumpama itu membuktikan iltizam, kegigihan dan kesungguhan kerajaan melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang menjadi pemangkin kemajuan ekonomi di negara ini.

"Saya percaya ia berupaya menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dan sekaligus merubah senario ekonomi di negeri ini," katanya.

Katanya lagi, pelaksanaan pelaburan fasa kedua SDC yang diterajui sektor swasta turut memainkan peranan aktif termasuk dalam pamban-



TUKAR DOKUMEN ... Musa, Maximus, Pang dan Pairin menyaksikan pertukaran dokumen antara SEDIA yang diwakili oleh Mohd Yaakub (dua kiri) dan Mohd Nazlee mewakili BiotechCorp.

gunaan bioekonomi.

Sehubungan itu beliau menyeru agar masyarakat mengubah cara berfikir dan bertindak selaras dengan tuntutan semasa.

"Kita seharusnya berfikir terbuka untuk menerima idea-idea baru dan berfikir secara kreatif dan inovatif.

"Saya yakin, kita mampu menterjemahkan konsep dan dasar yang merangkumi idea-idea baru kepada tindakan konkrit yang berupaya mencapai kejayaan besar dalam usaha membina bioekonomi yang berintensifkan ilmu," katanya.

Musa berkata, dengan memanfaatkan semua sumber kekayaan di Sabah terutamanya pertanian dan biodiversiti, persekitaran yang bersih dan iklim pelaburan yang menggalakkan, beliau yakin Sabah mempunyai potensi besar untuk menarik industri bioteknologi ke negeri ini seterusnya meningkatkan ekonomi negeri ke tahap yang lebih tinggi.

Beliau turut menyambut baik langkah Institut Bioekonomi Malaysia yang diterajui oleh MOSTI, Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) dan Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA) untuk bekerjasama dalam menyokong inisiatif bioekonomi di negeri ini melalui

SDC.

"BiotechCorp dan SEDIA antara lain akan bekerjasama untuk menarik pelaburan dalam SDC, yang meliputi bioteknologi perindustrian, pertanian dan penjagaan kesihatan," katanya.

Musa berkata, kerajaan negeri akan sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai dasar dan inisiatif pembangunan seiring kepesatan pembangunan negeri tanpa mengabaikan pemeliharaan alam sekitar.

"Oleh itu saya menyeru agar semua pihak terus bekerjasama dalam menyokong aspirasi ini. Semoga kerjasama itu berupaya memacu kemajuan pembangunan negeri Sabah sekaligus meningkatkan kestabilan ekonomi negeri untuk manfaat kita bersama," katanya.

Pada majlis itu Musa menyaksikan tiga pertukaran dokumen perjanjian kerjasama iaitu antara SEDIA dan BiotechCorp, perjanjian antara Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM), Yayasan Sabah dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan perjanjian antara SEDIA, BiotechCorp dan Terra Garden Biotech.

SEDIA diwakili oleh Presiden merangkap Ketua Eksekutif SEDIA Datuk Dr. Mohd Yaakub Hj Johari, BiotechCorp diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya

Datuk Dr. Mohd Nazlee Kamal, NIBM diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya Prof Datuk Dr. Mohd Isa Abd Majid, Setiausaha Korporat Kumpulan Yayasan Sabah Dr. Karim Samsuri mewakili Yayasan Sabah dan UMS diwakili oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UMS Prof Dr. Shahril Yusof.

Perjanjian antara SEDIA dan BiotechCorp merangkumi pembangunan dalam bioteknologi pertanian, perindustrian dan penjagaan kesihatan, pembangunan dalam bidang sumber manusia dan juga BioNexus. Manakala perjanjian persefahaman antara NIBM, Yayasan Sabah dan UMS pula ialah untuk menjalankan Projek Penerokaan Biodiversiti Lembah Danum.

Pada majlis itu Musa turut menyaksikan penyerahan rasmi repositori data Genom Probooscis Institut Genom Malaysia oleh Ketua Pengarahnya Prof. Emeritus Dr. Nor Muhammad Mahadi kepada pihak UMS.

Turut hadir Menteri Sains Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr. Maximus Ongkili, Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Joseph Pairin Kitingan, Menteri Belia dan Sukan Datuk Peter Pang dan Pengerusi BiotechCorp Prof Emeritus Datuk Dr. Zakri Abdul Hamid.